

1. Apakah ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka?

- A Raja
- B Rakyat
- C Budaya
- D Agama

2. Apakah tugas Bendahara pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- A Menjadi penasihat sultan
- B Menguruskan kewangan
- C Menjaga keselamatan kota
- D Mengutip cukai perdagangan

3. Pasangan manakah yang **betul** tentang perkembangan nasionalisme di Barat?

	Revolusi Keagungan (1688)	Revolusi Amerika (1776)
A	Menentang pemerintahan beraja	Menentang penjajahan kuasa asing
B	Membela nasib kaum imigran	Mengekalkan pemerintahan beraja
C	Mengembalikan kuasa bangsawan	Membela nasib penduduk tempatan
D	Menolak pengenalan sistem cukai	Menolak pemerintahan autokratik

4. Berikut adalah tokoh nasionalisme di Tanah Melayu pada penghujung abad ke-19.

- Penghulu Dol Said
- Dato Bahaman

Apakah bentuk perjuangan tokoh tersebut?

- A Gerakan propaganda
- B Bersifat kebangsaan
- C Bersifat setempat
- D Gerakan revolusi

5. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita pada abad ke-20.

- Peranan agama
- Penulisan kreatif
- X

Apakah X ?

- A Peranan bangsawan
- B Sistem pentadbiran
- C Media cetak
- D Revolusi pelajar

6. Mengapa Itali tidak berpuas hati terhadap Perjanjian Versailles?

- A Mengehadkan saiz tentera
- B Membayar pampasan perang
- C Tidak mendapat bantuan senjata
- D Tidak diberi tanah jajahan baru

7. Manakah antara berikut merupakan matlamat Orde Baharu Asia yang dilaksanakan oleh Jepun?

- I Mengembangkan kuasa tentera
  - II Mewujudkan kebebasan ekonomi
  - III Memperkenalkan sistem birokrasi
  - IV Membuka pasaran antarabangsa
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

8. Kelewatan pendaratan semula tentera British menyebabkan wujud kekosongan kuasa politik di Tanah Melayu.

Apakah implikasi daripada peristiwa tersebut?

- A Penyebaran pengaruh Kempeitai
- B Kemerosotan kuasa sultan
- C Penguasaan Bintang Tiga
- D Kerjasama antara kaum

9. Apakah kesan tinjauan wakil Parlimen British, Gammans dan Rees Williams berkaitan penentangan penduduk tempatan terhadap Malayan Union?

- A Rundingan Perdamaian Paris
- B Pembentukan Pentadbiran Tentera
- C Rombongan Kemerdekaan London
- D Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

10. Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British telah diisytiharkan di Kuching pada 1 Julai 1946.

Apakah kesan penyerahan tersebut?

- A Menjejaskan aktiviti perdagangan
- B Menjadi tanah jajahan kuasa asing
- C Menyatukan wilayah-wilayah kecil
- D Mengurangkan bilangan imigran

11. Rosy lahir di Britain tetapi ayahnya memiliki kerakyatan Tanah Melayu.

Apakah bentuk kewarganegaraan yang layak untuk Rosy?

- A Melalui undang-undang
- B Melalui naturalisasi
- C Melalui permohonan
- D Melalui pendaftaran

12. Apakah usaha kerajaan dalam menguatkuasakan Undang-undang Darurat?

- A Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- B Memperkenalkan sistem pendaftaran
- C Melaksanakan perintah berkurung
- D Menawarkan hadiah wang tunai

13. Kesan zaman darurat di Tanah Melayu ialah

- A mengukuhkan hubungan kaum
- B mempercepatkan kemerdekaan
- C menjimatkan kos pentadbiran
- D meningkatkan taraf hidup

14. Maklumat berikut berkaitan dengan cadangan Laporan Woodhead di Sarawak.

- Menyeragamkan sukan pelajaran dan peperiksaan
- Mengajar pendidikan Sivik secara formal di sekolah

Apakah nilai yang diperoleh melalui laporan tersebut?

- I Kerjasama
- II Kemanusiaan
- III Kesetiaan
- IV Kekitaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Mengapakah Dato' Onn Jaafar menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) pada tahun 1951?

- A Melahirkan kesedaran politik
- B Menggabungkan anak negeri
- C Memperjuangkan persamaan hak
- D Menyatukan rakyat pelbagai kaum

16. Maklumat berikut berkaitan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.

Tahun	Peringkat Pilihan Raya
1951	Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town
1954	Pilihan Raya peringkat negeri
1955	X

Apakah X?

- A Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan
- B Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
- C Pilihan Raya Majlis Perbandaran Johor Bahru
- D Pilihan Raya Majlis Perundangan Melaka

17. Apakah syarat untuk menjadi pengundi dalam Pilihan Raya Umum Pertama di Tanah Melayu?

- A Berpengetahuan bahasa Inggeris
- B Mampu berbahasa Melayu
- C Merupakan warganegara
- D Berumur 18 tahun ke atas

18. Mengapakah Tunku Abdul Rahman dan rombongan kemerdekaan menggunakan kapal laut dari Singapura ke Karachi pada 1 Januari 1956?

- A Menjimatkan kos perjalanan
- B Mengadakan perbincangan
- C Menjelaskan misi rundingan
- D Mendapatkan sokongan luar

19. Antara berikut, yang manakah merupakan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

- I Menggubal syarat kerakyatan
- II Menentukan sempadan negeri
- III Merangka perlembagaan negara
- IV Melindungi kedudukan institusi beraja

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20. Gambar berikut menunjukkan detik pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu.



Apakah simbolik daripada peristiwa tersebut?

- A Penghormatan kepada kerajaan British
- B Pengukuhan sistem birokrasi Barat
- C Penamatan penjajahan kuasa asing
- D Pengiktirafan raja berkuasa mutlak

21. Kedaulatan tradisional merujuk kepada

- A pematuhan terhadap perundangan
- B pemerintahan berkuasa mutlak
- C pengiktirafan peringkat dunia
- D persamaan rumpun bangsa

22. Sebagai rakyat dalam sebuah negara yang merdeka, kita mesti

- I Mengutamakan kepentingan peribadi
  - II Meninggalkan warisan bangsa
  - III Menghormati lambang negara
  - IV Memupuk kerjasama kaum
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

23. Maklumat berikut berkaitan ciri moden dalam perlembagaan negara.

Memberikan kebebasan kepada rakyat untuk memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan.

Ciri tersebut ialah

- A kewarganegaraan
- B kerajaan persekutuan
- C demokrasi berparlimen
- D pemerintahan beraja

24. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda pada tahun 1963.

Mengapakah berlaku pindaan tersebut?

- A Pembentukan Malaysia
- B Pengisytiharan bahasa kebangsaan
- C Pengasingan kuasa pemerintahan
- D Pemisahan Singapura

25. Apakah fungsi Majlis Raja-raja dalam Perlembagaan Persekutuan?

- A Meluluskan dasar kerajaan
- B Memilih Yang di-Pertuan Agong
- C Memanggil Parlimen bersidang
- D Membuat perisyiharan darurat

26. Bagaimanakah kerajaan berikut berjaya menerajui pemerintahan negara melalui amalan Demokrasi Berparlimen?

1974	Barisan Nasional
2008	Pakatan Rakyat
2015	Pakatan Harapan

- A Perkongsian kuasa antara kaum
- B Kuasa budi bicara raja
- C Didominasi oleh satu parti
- D Mekanisme semak dan imbang

27. Antara yang berikut manakah merupakan Senarai Bersama?

- A Kewangan
- B Biasiswa
- C Pelajaran
- D Tanah

28. Gambar berikut menunjukkan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.



Apakah kepentingan mesyuarat tersebut?

- A Membuka peluang negeri menunjukkan prestasi
- B Menggalakkan persaingan antara negeri
- C Menyeragamkan undang-undang negara
- D Menyelaraskan pelaksanaan dasar kerajaan

29. Mengapakah British berminat menyatukan wilayah penguasaannya di Asia Tenggara?

- A Mengukuhkan perpaduan
- B Meningkatkan pemodenan
- C Memudahkan pentadbiran
- D Melaksanakan pembaharuan

30. Mengapakah Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari menentang cadangan gagasan Malaysia?

- I Mengukuh kedudukan penjajah
  - II Kehilangan sumber kekayaan
  - III Kedudukan negeri yang jauh
  - IV Memerlukan sokongan rakyat
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

31. Berikut merupakan peristiwa cabaran selepas pembentukan Malaysia.

Pengisytiharan mengenai pemisahan Singapura telah dibuat oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Dewan Rakyat pada 9 Ogos 1965.

Apakah pendekatan yang digunakan untuk menangani isu tersebut?

- A Desakan
- B Rundingan
- C Kekerasan
- D Manipulasi

32. Bagaimanakah kerajaan mengatasi ancaman komunis di Semenanjung Malaysia dan Sarawak?

- I Mendapat bantuan tentera luar
  - II Mengguna gerakan radikal
  - III Melancarkan perang saraf
  - IV Melaksanakan kerjasama sempadan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

33. Prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah

- A Islam sebagai unsur penting
- B pembentukan masyarakat progresif
- C pendidikan berteras negara bangsa
- D Bahasa Melayu menjadi keutamaan

34. Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) telah dilaksanakan di peringkat sekolah.

Apakah tujuan dasar tersebut?

- A Mewujudkan minat dalam pelajaran
- B Melahirkan generasi yang kreatif
- C Memupuk semangat setia kawan
- D Menonjolkan identiti kebangsaan

35. Apakah strategi yang digunakan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru?

- A Mewujudkan masyarakat perdagangan
- B Pengenalan perindustrian berat
- C Program penanaman semula
- D Menyusun semula masyarakat

36. Agensi berikut ditubuhkan untuk menyokong pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

- Institut Latihan Perindustrian (ILP)
- Pusat Latihan Kemahiran Giatmara

Bagaimanakah agensi tersebut berperanan?

- A Meningkatkan kadar celik huruf
- B Membuka peluang pekerjaan
- C Memantapkan pertanian pintar
- D Menambah baik sistem pendidikan

37. Apakah faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar?

- I Ikatan sejarah
- II Keperluan nasional
- III Amalan demokrasi
- IV Sumber ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

38. Apakah peranan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?

- A Mengetua mesyuarat CHOGM
- B Menggerakkan dasar ZOPFAN
- C Menyertai aktiviti UNESCO
- D Menganggotai Rancangan Colombo

39. Apakah manfaat ekonomi yang diperoleh Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)?

- A Mengenakan kadar faedah yang tinggi
- B Membangunkan sistem perbankan
- C Menetapkan harga komoditi
- D Menawarkan pemotongan cukai

40. Logo berikut berkaitan Anugerah Langkawi yang diperkenalkan tahun 1991.



Apakah tujuan anugerah tersebut diperkenalkan?

- A Menghargai sumbangan dalam bidang alam sekitar
- B Mengiktiraf penglibatan dalam bidang kemanusiaan
- C Menggalakkan penglibatan dalam bidang teknologi
- D Menggiatkan sumbangan dalam bidang keamanan

3. Patung yang berlatar tokoh tertua perkembangan rakyat di Tanah Melayu adalah

Patung Komuniti (1989)

- Menentang pemerintahan beraja
- Merdeka untuk kaum imigran
- Menggalakkan pertemuan sosial
- Menolok perpaduan etnik dan suku

Patung Agama Islam (1994)

- Mengajar pemahaman agama
- Menggalakkan pertemuan sosial
- Menolok perpaduan etnik dan suku
- VI rasa

A. Buku adalah tokoh tertua perkembangan rakyat di Tanah Melayu pada penghujung abad ke-19.

Pengaruh Buku  
• Dato' Bonham

Menegur rasa

Apakah pentak pernyataan tentang tokoh tertua?

- A Gerakan propaganda
- B Ciri-ciri kebangsaan
- C Dosa besar

Menegur rasa

### KERTAS SOALAN TAMAT